

CNS9536

U PB 28-07 00141 BA354

aab

Mahathir - MCA '''

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan MCA supaya jangan terikut-ikut dengan cara DAP yang bersifat perkauman semata-mata mahu menunjukkan mereka lebih mengutamakan kaum Cina.

Perdana Menteri berkata ada kalanya MCA berasa begitu terancam oleh DAP sehingga ada di kalangan-anggotanya yang cuba menjadi lebih chauvinistik daripada DAP.

+Mereka berpendapat bahawa dengan menunjukkan mereka mengutamakan kaum Cina lebih daripada DAP, mereka boleh mengalahkan DAP,+ katanya semasa merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA di Wisma MCA, di sini.

Pendirian ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir, tidak secocok dengan konsep Barisan Nasional (BN), dan pada satu ketika hampir memecahkan pakatan Umno/MCA yang menjadi tunggak Barisan Nasional.

Bagaimanapun, katanya, kepemimpinan MCA telah berjaya membendung sentimen dan pendekatan ala-DAP itu. -- Lagi

♥28/07/12-30MST

CNS9539

U PB 28-07 00131 BA355

aab

Mahathir - MCA 2 Kuala Lumpur '''

Katanya, MCA tidak harus takut dikecam oleh orang Cina kononnya ia tidak memperjuangkan hak mereka kerana sebenarnya kerjasama Melayu/Cina dan Umno/MCA lebih menguntungkan masyarakat Cina daripada kontroversi Melayu/Cina yang dianjurkan oleh DAP.

+Tidak ada keuntungan bagi orang Cina dalam sebuah negara yang ada ketegangan antara mereka dengan Bumiputera,+ kata beliau.

Beliau berkata DAP kini semakin berasa terancam kerana kerjasama Melayu/Cina melalui Umno/MCA lebih berkesan dalam memberi kejayaan kepada MCA.

Katanya, daripada segi perhitungan politik, sokongan pengundi Melayu masih berkesan kepada parti-parti bukan Melayu dalam BN walaupun ada orang Melayu yang terpicat dengan kerjasama DAP-PAS.

Menurutnya pada pilihan raya yang lepas memang ada bukti penyokong PAS memberi undi kepada DAP, -- Lagi

♥28/07/12-49MST

Mahathir - MCA 3 Kuala Lumpur
Koh Tsu KOON pada para 4)

+Jika orang Melayu menganggap MCA terlalu chauvinis, sukar bagi calon MCA mendapat undi mereka,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata strategi kerjasama Umno/MCA dan BN adalah lebih baik bagi kestabilan, keamanan dan pembangunan ekonomi negara daripada chauvinisme ala DAP atau Pas dalam menjayakan masa depan orang Cina atau orang Melayu.

Beliau mempersoalkan apakah kelebihan yang boleh ditawarkan oleh DAP berbanding MCA melalui kerjasamanya dengan Parti Semangat 46 dan Pas.

+Yang akan diperolehi oleh kaum Cina jika DAP berjaya ialah hanya Ketua Menteri Pulau Pinang akan terdiri daripada (Setiausaha Agung DAP) Lim Kit Siang dan bukan (Ketua Menteri sekarang daripada Gerakan) Dr Koh Tsu Koon.

+Perdana Menteri dan Menteri-menteri Besar akan terdiri daripada orang Melayu juga -- Melayu daripada Semangat 46 atau Pas.

+Tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan oleh DAP bagi pihak orang Cina, yang tidak dapat lebih dijayakan oleh MCA dan Gerakan.

+Masyarakat Cina Malaysia patut sedar akan hakikat ini. Sebagai parti pembangkang pun, tidak ada apa yang boleh dibuat oleh DAP,+ katanya. -- Lagi

♥28/07/13-11MST

U PB 28-07 00203 BA361

aab

Mahathir - MCA 4 Kuala Lumpur '''

Sambil menyifatkan perjuangan DAP sudah berputar 180 darjah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata DAP bukan sahaja sanggup bekerjasama dan berjanji menerima kepimpinan Semangat 46 jika berjaya membentuk kerajaan, tetapi juga sanggup bekerjasama dengan Pas yang mendakwa kononnya akan membentuk pemerintahan Islam ala Pas.

Katanya, DAP juga tidak berani menolak bulat-bulat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) kerana penolakan akan ditentang oleh rakannya daripada Semangat 46 dan Pas.

+DPN daripada segi prinsipnya tidak boleh dijadikan isu politik untuk mengecam MCA. Apa yang dibuat oleh DAP ialah apa yang dikatakan "nit-picking" atau mencari kutu, satu-satunya tabiat DAP,+ katanya.

Perdana Menteri berkata MCA mestilah mengekalkan kerjasamanya dengan Umno dan anggota BN yang lain kerana itu boleh menjadikan Malaysia lebih stabil daripada segi politik dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Antara pemimpin parti komponen BN yang hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Ketua Menteri Pulau Pinang Dr Koh Tsu Koon, Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Leo Moggie dan Timbalan Presiden MJC Datuk S. Subramaniam.

Bekas Presiden MCA Tan Sri Lee San Choon hadir sama. -- Bernama